

28 JUN 2002

PENARAFAN-MALAYSIA/I

STANDARD & POOR'S SAHKAN SEMUA PENARAFAN MENGENAI MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 28 Jun (Bernama) -- Standard & Poor's hari ini mengesahkan semula penarafannya mengenai Malaysia, termasuk penarafan matawang asing BBB/'A-3' dan penarafan kedaulatan matawang tempatan 'A'/'A-1, setelah penyelesaian penggantian kepemimpinan negara ini.

"Tinjauan masa depan ke atas penarafan-penarafan jangka panjang adalah positif," kata agensi penarafan antarabangsa itu di dalam satu kenyataan.

Penganalisis kredit kedaulatan, Chih Wai Liew berkata pengesahan itu mencerminkan harapan Standard & Poor's agar dasar-dasar ekonomi kerajaan Malaysia dan komitmennya kepada penyusunan semula korporat tidak bergoyang akibat persaraan Pedana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Muhamad dan peralihan kepada penggantinya.

Lanskap politik Malaysia terkejut pada 22 Jun lalu oleh peketakan jawatan Dr Mahathir semasa perhimpunan agung tahunan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO).

Sungguhpun demikian, beliau menarik balik peletakan jawatannya pada 25 Jun. Majlis Tertinggi UMNO mengumumkan bahawa kepemimpinan UMNO dan kerajaan campuran dan jawatan perdana menteri Malaysia, akan diserahkan kepada Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi dalam bulan Oktober 2003.

"Pelan penggantian itu telah dengan berkesan mengurangkan ketidak tentuan jangka terdekat dalam persekitaran dasar Malaysia dan akan mengelakkan peralihan tidak teratur selepas Dr Mahathir berundur.

"Bagi 15 bulan akan datang sehingga pemindahan rasmi kuasa, para pemimpin UMNO dijangka menunjukkan sikap perpaduan dan mengelakkan perebutan kepimpinan yang besar yang mungkin menyebabkan perubahan dasar," kata Liew.

Sungguhpun demikian, kenyataan itu berkata jawatan perdana menteri yang diserahkan kepada Abdullah masih boleh digugat oleh pencabar-pencabar dalam jangka panjang.

Terutamanya, tanggapan prestasi yang lemah oleh kerajaan campuran pada pilihanraya umum akan datang, dijadualkan menjelang Januari 2005, mungkin menghakis kedudukan beliau.

Malahan sekiranya pilihanrya diadakan sebelum penyerahan oleh Dr Mahathir, keputusan pilihan raya yang kurang daripada menarik mungkin dilihat sebagai kekurangan keyakinan pengundi terhadap Abdullah, tambahnya.

Kuasa politik tertumpu di Malaysia, dan tanpa asas sokongan kuat seperti Mahathir, pentadbiran Abdullah berkemungkinan bercirikan pendekatan pembinaan persepakatan.

Beliau juga terpaksa mengimbangkan permintaan masyarakat berbilang kaum Malaysia, kata kenyataan itu.

Isu-isu segera dan sukar yang ada termasuk mengubah suai dasar "bumiputera" (dasar tindakan tegas negara) kepada satu dasar berasaskan lebih kepada meritokrasi, sambil mengekalkan sokongan popular daripada bumiputera Melayu.

Menuju ke hadapan, peningkatan pesat dalam imbalan fiskal Malaysia, usaha berterusan penyusunan semula korporat, dan langkah oleh kerajaan ke arah pengurusan ekonomi yang kurang dasar campur tangan akan memperkukuhkan kedudukan kredit Malaysia.-- BERNAMA

SHO KTC OS